

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KE EMPAT BELAS

---

**PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**  
**DARIPADA** : **TUAN OSCAR LING CHAI YEW [ SIBU ]**  
**TARIKH** : **13 DISEMBER 2021 [ISNIN]**

**SOALAN**

**TUAN OSCAR LING CHAI YEW [ SIBU ]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan perkembangan terkini projek tebatan banjir Sibu. Nyatakan bila fasa selanjutnya akan bermula dan kosnya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sibu Fasa 3, Lembangan Batang Rajang telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) dengan kos berjumlah RM91 juta. Projek ini sedang dilaksanakan dengan status kemajuan kerja semasa adalah 48% dan dijangka siap menjelang Ogos 2022.
2. Peruntukan bagi fasa seterusnya telah dimohon sebanyak RM395 juta dalam *Rolling Plan 2* (RP2) RMKe-12.

Sekian. Terima kasih.